

06/08/1997

KM kecewa rakyat abai kebersihan

KOTA KINABALU, Selasa - Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, kecewa dengan sikap penduduk yang tidak mempedulikan kebersihan bandar dan pantai di kawasan ibu negeri sehingga menimbulkan masalah kepada pihak berkuasa untuk mengatasinya.

Katanya, usaha pihak berkuasa mengekalkan kebersihan bandar tidak berjaya kerana warganya tidak mengamalkan sifat kebersihan dalam diri dan membuang sampah merata-rata.

"Pihak berkuasa tempatan mengeluarkan notis amaran dan kompaun kepada pihak terbabit, tetapi ia tidak berjaya menyelesaikan masalah kebersihan kerana budaya bersih belum menyerap diri penduduk," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Promosi Khas Wira Maskot Sukom '98, di sini, petang semalam.

Turut hadir Ketua Operasi Sukom 98 Bhd, Lt Jen (B) Datuk Manap Ibrahim dan Panglima Tentera Darat, Datuk Ismail Hasan.

Yong berkata, satu jawatankuasa khas dibentuk bagi mengatasi masalah pembuangan sampah dan pencemaran di bandar Kota Kinabalu yang bukan sahaja dianggotai Majlis Perbandaran Kota Kinabalu (MPKK), tetapi juga Kementerian Pelancongan dan Alam Sekitar.

"Tugas jawatankuasa berkenaan bagi memastikan bandar Kota Kinabalu bukan saja bersih, tetapi kawasan pantainya bebas daripada sampah sarap yang dihanyutkan air dari sungai berhampiran," katanya.

Yong berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang menyelar tabiat suka membuang sampah di kalangan warga kota Kuala Lumpur yang bukan sahaja mencemarkan imej Malaysia tetapi mengaibkan pemimpin negara.

Yong berkata, sikap tidak bertanggungjawab itu turut dilakukan oleh penduduk di kawasan perumahan yang melakukan pengubahsuaian rumah, sebaliknya membuang sisa pembinaan di luar pagar rumah.

"Sikap buruk begini perlu dikikis supaya kawasan kediaman sentiasa bersih dan selamat. Tidak guna peraturan yang ketat dikenakan tetapi sikap penduduk masih tidak berubah," katanya.

Menurutnya, pihak berkuasa MPKK akan meneruskan usaha mencantikkan kawasan bandar dan mengatasi masalah sampah-sarap, bagaimanapun kerjasama warga bandar diperlukan bagi menjadikan bandar ini bersih bukan seperti yang digambarkan sekarang.

Ketika berucap Yong berkata, pemilihan Orang Utan sebagai maskot Sukom membanggakan penduduk negeri ini kerana turut terbabit secara langsung dengan sukan yang berprestij di dunia.

"Orang Utan bukan saja terkenal sebagai daya tarikan pelancong tetapi juga memperlihatkan bagaimana manusia dapat menggunakan sumber yang terdapat untuk melindungi spesies hidupan liar daripada pupus," katanya.

Pada majlis itu, MIFO Sdn Bhd yang terbabit dengan pengedaran pelbagai hasil cenderamata bagi Sukom turut menderma RM100,000 kepada Badan Kebajikan Isteri Angkatan Tentera (BAKAT) Markas 5 Briged Kem Lok Kawi yang diterima oleh Datin Rokiah Borhan untuk kegunaan kerja sukarela badan terbabit.

(END)